

Mutu sistem komputer dipertingkatkan

KUALA LUMPUR, Khamis — Kementerian Pertahanan akan meningkatkan mutu sistem komputer Angkatan Tentera beberapa bulan lagi untuk memenuhi keperluan dan keupayaan perkhidmatan logistiknya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, usaha itu adalah perlu memandangkan keupayaan sistem komputernya tidak mencukupi bagi menyimpan rekod-rekod dan keperluan logistik yang lain.

"Kita memerlukan komputer yang lebih besar untuk menyimpan rekod dan semua perkara yang menggerakkan pasukan tentera untuk membolehkan kita bergerak," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Pertahanan, menyatakan demikian selepas melakukan lawatan lebih 4½ jam ke Depot Simpanan, Perlu, Pusat di Batu Kantonmen di sini.

Angkatan Tentera kini dilengkapi dengan komputer mini B800

yang dipajak dan di bawah ujian.

Unit Sistem Komputer Logistik yang yang ditubuhkan kira-kira enam bulan lalu untuk menyelaraskan penggunaan komputer bantuan logistik ketiga-tiga bahagian pasukan tentera mendapati keupayaan simpanan komputer mini itu terhad dan mencadangkan ia ditingkatkan grednya.

Perdana Menteri berkata, jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan dalam pasukan tentera sekarang sedang mengkaji keperluan komputer dalam beberapa bahagian dan jumlah yang akan

dibeli dan tempoh untuk dipasang.

Beltau tidak dapat mengumumkan tarikh komputer itu akan dipasang kerana beberapa perkara perlu dijalankan termasuk memanggil tender.

"Kami berharap meningkatkan komputer mini sekarang dalam beberapa bulan akan datang tetapi pemasangan komputer pusat tentu sekali mengambil masa," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir dilirangi oleh Panglima Tentera Darat, Jen. Tan Sri Zain Hashim dalam lawatan itu.

No. Siri 2973

No. Penerimaan 718/85